LATIHAN ULANGKAJI BAB 4 **TING. 2**

BAHAGIAN A:

Arahan: Jawab semua soalan berikut.

1. Apakah jenis iklim di Malaysia?
A. Iklim Savana
B. Iklim Khatulistiwa
C. Iklim Monsoon Tropika
D. Iklim Mediterranean

2. Pernyataan yang manakah betul tentang ciri iklim di Malaysia?
A. julat suhu tahunan kira-kira 4°C
B. hujan tahunan kira-kira 500 mm
C. suhu hampir sekata sepanjang tahun
D. hujan maksimum dalam bulan Disember

3. Angin Monsun Timur Laut bertiup
A. dari bulan Oktober hingga November
B. dari bulan Mei hingga September
C. dari bulan November hingga Mac
D. dari bulan April hingga Mei

4. Maklumat di bawah tentang kejadian

Udara bergerak dari daratan (tekanan tinggi) ke lautan (tekanan rendah)

A. bayu laut
B. bayu darat
C. angin sumatera
D. angin Monsun Timur Laut

5. Apakah ciri suhu di Malaysia?
A. min suhu tahunan 27°C
B. julat suhu tahunan 18°C
C. julat suhu harian melebihi 10 °C
D. suhu rendah sepanjang tahun

6. _____menerima hujan paling sedikit kerana terletak di kawasan lindungan hujan.
A. Long Akah
B. Bukit Larut
C. Kuala Pilah
D. Sandakan

LIVEWORKSHEETS

7. Apakah yang benar tentang jenis hujan perolakan?

I. berlaku di kawsan cerun bukit
II. permukaan bumi dipanaskan oleh pancaran matahari
III. hujan lebat turun pada lewat petang yang disertai kilat dan petir
IV. udara lembap dari laut dipaksa naik ke cerun bukit kerana halangan tanah tinggi

A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

8. Apakah jenis tanaman yang sesuai ditanam berdasarkan ciri iklim berikut?

- suhu : 27°C
- hujan : 2600 mm

I. teh
II. bunga kekwa
III. lada hitam
IV. kelapa sawit

A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

9. Antara berikut, manakah tanaman yang sesuai ditanam berdasarkan faktor berikut?

- kawasan: tanah tinggi
- suhu: 18°C - 21°C

I. strawberi
II. bunga ros
III. rambutan
IV. padi sawah

A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

10. Apakah faktor yang menggalakkan pelancong dari negara beriklim sejuk berkunjung ke Malaysia?

A. suhu yang panas dan lembap sepanjang tahun
B. tanah pamah yang rata dan subur
C. suhu sederhana sejuk
D. udara yang nyaman

LIVEWORKSHEETS

11. Apakah fenomena yang dikaitkan dengan peningkatan suhu bumi?
A. jerebu
B. hujan asid
C. pulau haba
D. kesan rumah hijau

12. Apakah fenomena yang berkaitan maklumat berikut.

Suhu kawasan tepu bina di bandar lebih panas berbanding di kawasan sekitarnya

A. jerebu
B. pulau haba
C. hujan asid
D. kesan rumah hijau

13. Antara berikut, yang manakah kesan kesan hujan asid terhadap alam sekitar?
I. melunturkan cat
II. kebakaran hutan
III. panas melampau
IV. kemusnahan tanaman

A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

14. Apakah kejadian yang lazimnya dikaitkan dengan fenomena El-Nino
A. kemarau
B. banjir besar
C. sejuk melampau
D. sederhana panas

15. Kesan La-Nina akan menyebabkan kejadian seperti
A. krisis air
B. banjir besar
C. jeebu
D. kemarau berpanjangan

LIVEWORKSHEETS